

MINGGUAN KKKG

E-Buletin Kolej Komuniti Kuching

Edisi 6 - 12 Mac 2023 Vol.2/2023



SESI LIBAT URUS PENGARAH KANAN (KOMPETENSI) BERSAMA PENGARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI ZON SARAWAK

12 Mac - Pengarah Kanan (Kompetensi) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Ts. Zainab binti Othman mempengerusikan Sesi Libat Urus bersama Pengarah-Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Sarawak bertempat di Bilik Mesyuarat KKKg. Turut hadir Timbalan Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar JPPKK Encik Amalulkhair bin Sarbini.



6 ORANG PENSYARAH JALANI VALIDASI

8 - 10 Mac - Seramai 6 orang Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) telah menjalani urusan validasi untuk kenaikan pangkat bagi gred DH42, DH44 dan DH48. Urusan validasi berkenaan telah dijalankan di Politeknik Kuching Sarawak. Seluruh warga KKKg mendoakan kejayaan kepada semua pensyarah yang terlibat.



11 Mac - KKKg telah memperagakan 3 hasil rekaan pelajar SFP dalam Pertandingan Project Runaway sempena Program *Rainforest Cultural Festival 3* yang berlangsung semalam di Mydin Vista Tunku. Program ini merupakan anjuran Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan dikelola oleh Politeknik Kuching Sarawak. Majlis telah dirasmikan oleh Pengarah Kanan (Kompetensi) Ts. Zainab binti Othman dan turut dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Polycc Zon Sarawak.



RAINFOREST CULTURAL FESTIVAL 3



KKKG SERTA BIMP-EAGA TVET CONFERENCE 2023

8 & 9 Mac - Produk inovasi yang dihasilkan oleh Encik Rozaifis Rofiei dan Puan Esuryati Kamarudin telah dipamerkan sempena Program BIMP_EAGA TVET Conference 2023 yang diadakan di Hotel Pullman, Kuching. Inovasi tersebut adalah Augmented Reality-Visual 3D telah merangkul Pingat Emas di bawah Kategori Profesional (Teaching & Learning) semasa International Innovative Competition (IIC'22) yang diadakan pada 7 hingga 9 Jun 2022.

Sorotan Kursus Pendek

- Kursus Microsoft Excel (Basic & Intermediate) bersama PERYATIM
 - 6 & 7 Mac 2023
- Kursus Pra Perkahwinan
 - 11 & 12 Mac 2023

